**Polisi Pemberitahuan Maklumat / Whistleblowing**
**Bank Pembangunan Malaysia Berhad**

## a) Tujuan

Kumpulan BPMB komited untuk mematuhi etika, integriti, kebertanggungjawaban dan perilaku undang-undang yang tertinggi.

Kumpulan BPMB juga komited untuk menegakkan Prinsip-Prinsip Anti-Rasuah Malaysia dalam mempromosikan integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam semua aspek operasinya setelah menandatangani Ikrar Integriti Korporat.

Polisi Pemberitahuan Maklumat /Whistleblowing ini bertujuan untuk membantu individu untuk memberi maklumat mengenai kebimbangan yang telah mereka temukan dan untuk memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat, selaras dengan perlindungan yang diberikan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

## b) Kebolehlaksanaan

Boleh dilaksanakan untuk pengarah, kakitangan, anak syarikat dan orang lain di mana Kumpulan BPMB telah menjalin hubungan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, ejen, perunding, pembekal, vendor dan penyedia perkhidmatan.

Orang ramai juga didorong untuk memberi maklumat sekiranya mereka mengetahui apa-apa kemusykilan mengenai amalan BPMB Group.

## c) Pendedahan mengenai kebimbangan terbahagi kepada 2 kategori: -

1. Pemberian Maklumat / Whistleblowing
   Skop Pemberian Maklumat disenaraikan seperti di bawah: -
   - i. Penyalahgunaan kuasa;
   - ii. Pelanggaran undang-undang & peraturan yang berkenaan;
   - iii. Rasuah;
   - iv. Korupsi;
   - v. Percanggahan kepentingan;
   - vi. Penggelapan atau kecurian;
   - vii. Penipuan;
   - viii. Aktiviti haram
   - ix. Salah laku;
   - x. Penyalahgunaan Harta Kumpulan BPMB; dan
   - xi. Apa-apa perkara lain yang boleh dianggap sebagai risiko reputasi.

2. Rungutan
   Semua kebimbangan yang tidak termasuk dalam ruang lingkup (a) seperti yang disebutkan di atas, harus dikategorikan sebagai rungutan iaitu disiplin, penurunan pangkat, gangguan, klasifikasi yang tidak betul atau penolakan kerja lebih masa dan lain-lain (salah laku kecil seperti yang dinyatakan dalam Kod Etika dan Tingkah Laku Pekerja Kumpulan BPMB).

**d) Tahap Anonimiti / Pemberitahu Tanpa Nama**

Berikut adalah tahap-tahap anonimiti yang diamalkan oleh Kumpulan BPMB: -

1. Tanpa Nama - Pemberi Maklumat tidak bersedia untuk mendedahkan identiti mereka
2. Rahsia (terhad) / Sebahagian Tanpa Nama - Pemberi Maklumat sebahagiannya bersedia untuk mendedahkan identiti dirinya.
3. Dikenali - Pemberi Maklumat bersedia untuk mendedahkan identiti dirinya dalam membuat Pendedahan.

**e) Saluran untuk Pemberian Maklumat**

Sebarang pendedahan mengenai kebimbangan hendaklah dibuat secara bertulis, serta mengandungi latar belakang dan sejarah salah laku tersebut, nama orang yang terlibat, di mana dan ketika / waktu kesalahan itu berlaku dan lain-lain maklumat yang berkaitan untuk membantu siasatan, berserta bukti sokongan, jika ada.

Pendedahan itu hendaklah dibuat secara bertulis (surat tertutup) kepada mana-mana anggota berikut:

1. Pengerusi Lembaga Pengarah (BOD) atau Pengerusi Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan Kumpulan (GAEC); atau
2. Pengurusan Kumpulan BPMB; atau
3. Parti Luar Bebas (sah untuk kakitangan Kumpulan BPMB).

Semua bidang di bawah skop Pemberi Maklumat / Whistlblowing akan dibahas / dibincang di Jawatankuasa Whistleblowing (WBC) kecuali Rungutan yang akan diteruskan ke Sumber Manusia Kumpulan (GHR).

Siasatan akan dilakukan oleh Kumpulan BPMB untuk menyokong kesahihan pendedahan yang dibuat oleh Pemberi Maklumat.

**f) Perlindungan kepada Pemberi Maklumat**

BPMB Group komited untuk memberikan perlindungan (sejauh praktikal) kepada pemberi maklumat dengan syarat bahawa pendedahan itu dibuat dengan niat baik. Ini merangkumi merahsiakan identiti, kekebalan dari tindakan sivil atau jenayah dan perlindungan terhadap tindakan memudaratkan terhadap pemberi maklumat. Sekiranya pemberi maklumat menghadapi pembalasan, gangguan atau penurunan pangkat yang timbul dari pemberitahuan, laporan segera perlu dibuat kepada Pengerusi BOD atau Ketua GAEC atau Ketua WBC.

Selain itu, pemberi maklumat juga boleh mengadu kepada pihak penguatkuasa yang berkenaan mengenai tindakan yang memudaratkan atau membalas dendam yang dilakukan oleh mana-mana pihak terhadapnya, jika berkaitan.

Bank berhak membatalkan perlindungan kepada pemberi maklumat sekiranya kejadian berikut diketahui:

1. Pemberi maklumat sendiri telah mengambil bahagian dalam tingkah laku tidak wajar yang dinyatakan;

2. Pemberi maklumat dengan sengaja membuat pendedahannya mengenai perlakuan tidak wajar, pernyataan material/utama yang dia tahu atau dipercayai sebagai palsu atau tidak dipercayai benar;
3. Pendedahan tingkah laku yang tidak wajar adalah sembrono (iaitu tidak mempunyai tujuan atau nilai serius) atau menjengkelkan (iaitu menyebabkan atau cenderung menimbulkan kegusaran atau kekecewaan);
4. Pendedahan tingkah laku yang tidak wajar terutamanya melibatkan mempersoalkan kebaikan/kelebihan dasar kerajaan, termasuk dasar badan awam;
5. Pendedahan mengenai perlakuan tidak wajar dibuat semata-mata atau secara utamanya dengan motif mengelakkan pemecatan atau tindakan tatatertib yang lain; atau
6. Pemberi maklumat, semasa membuat pendedahan atau memberikan maklumat lebih lanjut, melakukan kesalahan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat.

**g) Ruang Alternatif untuk Pemberi Maklumat**

Sekiranya pemberi maklumat tidak berpuas hati dengan hasil siasatan atau jika dia ingin mencari jalan alternatif dalam membuat pendedahan tersebut, agensi penguatkuasaan berikut dapat dihubungi, di mana sesuai, kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Lampiran 1: Borang Pemberitahuan Maklumat

**Whistleblowing Policy**
**Bank Pembangunan Malaysia Berhad**

## a) Purpose

BPMB Group is committed to the highest standards of ethical, integrity, accountability and legal conduct.

BPMB Group is committed to uphold the Malaysia's Anti-Corruption Principles in promoting integrity, transparency and good governance in all aspects of its operation upon signing the Corporate Integrity Pledge.

The Whistleblowing Policy is intended to assist individuals to whistleblow on concerns whichthey have discovered and to provide protection to the whistleblower, in-line with the protectionaccorded by the Whistleblower Protection Act 2010.

## b) Applicability

Applicable to directors, staff, subsidiaries and any other persons where BPMB Group has established relationship including, but not limited to, agents, consultants, suppliers, vendors and service providers.

Member of the public are also encouraged to whistleblow should they have discovered any concerns pertaining to BPMB Group's practice.

## c) Disclosure of concerns is divided into 2 categories:-

1. Whistleblowing

Scope of Whistleblowing is listed below:-

- i. Abuse of power;
- ii. Breaches of applicable laws & regulations;
- iii. Bribery;
- iv. Corruption;
- v. Conflict of interest;
- vi. Embezzlement or theft;
- vii. Fraud;
- viii. Illegal activities
- ix. Misconduct;
- x. Misuse of BPMB Group Property; and
- xi. Any other matter that may be deemed reputational risk.

2. Grievances

All concerns which does not fall under the scope of (a) mentioned above shall be categorized asgrievances i.e. discipline, demotion, harassment, improper classification

or denial of earned overtime etc (minor misconduct as stated in BPMB Group's Employee Code of Ethics and Conduct).

**d) Level of Anonymity**

Below are the levels of anonymity adopted by BPMB Group:-

1. Anonymous - Whistleblower is not willing to reveal his/her identity

2. Confidential (restricted)/Partially Anonymous - Whistleblower is partly willing to reveal his/her identity.

3. Non - anonymous - Whistleblower is willing to disclose his/her identity in making Disclosure.

**e) Channels to Whistle blow**

Any disclosure of concerns should be made in writing containing the background and history of the misconduct, the names of the persons involved, where and when the misconduct took place and other relevant information to assist the investigation along with supporting evidence, if available.

The disclosure shall be made in writing (sealed mail) to any of the following members:

1. Chairman of Board of Director (BOD) or Chairman of Group Audit & Examination Committee (GAEC); or

2. Management of BPMB Group; or

3. External Independence Party (applicable for staff of BPMB Group).

All areas under the scope of Whistlblowing will be deliberated at the Whistleblowing Committee (WBC) except for Grievances which shall be escalated to Group Human Resource (GHR).

Investigations shall be carried out by BPMB Group to support the authenticity of the disclosures made by the Whistleblower.

**f) Protection to Whistleblower**

BPMB Group is committed to provide protection (to the extent reasonably practical) to the whistle blower provided that the disclosure was made in good faith. This includes the confidentiality o fidentity, immunity from civil or criminal action and protection against any detrimental action against the whistleblower. Should the whistleblower encounter any retaliation, harassment or demotion arising from the whistleblowing, an immediate report needs to be made to Chairman of BOD or Chairman of GAEC or Chairman of WBC.

Additionally, the whistleblower may also make complain to the relevant enforcement authority of any detrimental or reprisal action committed by any person against him, where relevant.

The Bank has the right to revoke the protection to the whistleblower should the following incidences is discovered:

1. The whistleblower himself has participated in the improper conduct disclosed;

2. The whistleblower will fully made in his disclosure of improper conduct a material statement which he knew or believed to be false or did not believe to be true;

3. The disclosure of improper conduct is frivolous (i.e. not having any serious purpose or value) or vexatious (i.e. causing or tending to cause annoyance or frustration);

4. The disclosure ofi mproper conduct principally involves questioning the merits of government policy, including policy of a public body;

5. The disclosure of improper conduct is made solely or substantially with the motive of avoiding dismissal or other disciplinary action; or

6. The whistleblower, in the course of making the disclosure or providing further information,commits an offence under Whistleblower Protection Act.

## g) Alternative Avenues to Whistleblow

If the whistleblower is not satisfied with the result of the investigation or if he/she wishes to seek alternative avenues in making the disclosure, the following enforcement agencies may be contacted, where appropriate to Polis Diraja Malaysia (PDRM) or Malaysia Anti-Corruption Commission (MACC).

Appendix 1: Whistleblowing Form